

NTU rintis jalan jadi Kampus Bijak di bawah pimpinan presiden baru

VISI KAMPUS BIJAK:

Presiden baru NTU, Profesor Subra Suresh, duduk dalam bas tidak mempunyai pemandu sambil menunjukkan Pas Bijak yang boleh digunakan masyarakat universiti bagi mendapatkan pelbagai khidmat dalam dan luar kampus. Kad itu sebahagian usaha merealisasikan visi kampus bijak.
- Foto BH oleh NG SOR LUAN



► **SHAHIDA SARHID**
sshahida@sph.com.sg

SEJAJAR usaha Singapura ingin menjadi Negara Bijak, Universiti Teknologi Nanyang (NTU) merintis jalan menjadi Kampus Bijak terbesar di Singapura.

Usaha tersebut bakal dilaksanakan dengan memanfaatkan teknologi dan huraian digital bagi meningkatkan mutu pembelajaran dan pengalaman kehidupan dalam suasana lebih mampan.

Langkah terbaru itu diumumkan presiden baru NTU, Profesor Subra Suresh, dalam sidang media di institusi tersebut semalam.

Bertemu media buat kali pertamanya sejak pengumuman perantikannya Julai lalu, Profesor Suresh, 61 tahun, secara rasmi memulakan tugasnya selaku presiden NTU pada 1 Januari lalu.

Beliau mengambil alih jawatan presiden sebelum ini, Bertil Andersson, sekali gus menjadi presiden ke-

empat universiti tangga ke-11 dunia itu.

Profesor Suresh, dianggap saintis terkemuka Amerika Syarikat, pernah dipilih mantan presiden Amerika Barack Obama, agar berkhidmat sebagai pengarah Yayasan Sains Kebangsaan.

Yayasan tersebut bertanggungjawab memajukan sains serta penyelidikan dan pendidikan kejuruteraan Amerika antara 2010 dengan 2013.

Berkenaan menubuhkan Kampus Bijak, Profesor Suresh berkata kekuatan NTU dalam bidang kejuruteraan, pengkomputeran dan inovasi, di samping kedudukannya sebagai universiti terbaik dunia dalam kecerdasan buatan (AI), menjadikan universiti tersebut tempat paling sesuai melakukan kajian, menjadi tapak uji dan memaparkan teknologi bijak.

“Antara komponen utama yang memacu Revolusi Perindustrian Keempat seperti data besar, robotik dan AI antara aspek yang mengiktiraf NTU sebagai peneraju bidang-bidang ini.

“Justeru, harapan saya adalah memanfaatkan kepakaran dan kekuatan ini agar dapat meningkatkan maratabat universiti ke tahap lebih tinggi,” ujarnya.

Bagi mempersiap pelajar, NTU akan memperkenalkan modul pendidikan utama baru untuk meningkatkan kecakapan digital.

Tahun ini juga, NTU akan memperkenalkan program ijazah baru dalam bidang sains data dan AI.

Sebagai antara usaha pertama merealisasikan konsep Kampus Bijak, mulai hari ini, warga NTU diberi Pas Bijak.

Pas tersebut boleh digunakan bagi mendapatkan pelbagai khidmat di dalam dan luar kampus.

Ini termasuk membeli makanan dan minuman di sekitar 80 peratus kantin NTU; mendaftar bagi pusat perubatan di kampus; sebagai kunci peribadi mengakses asrama, pejabat dan makmal; meminjam buku di perpustakaan; serta membayar khidmat mencetak.

Pas juga mempunyai fungsi Flash-Pay, yang boleh digunakan misalnya apabila menaiki pengangkutan awam.

Kekuatan NTU juga, tambah Profesor Suresh, menarik minat syarikat baru dan global serta agensi pemerintah agar menjalin kerjasama dan memperkenalkan program perkasa inovasi dan kesan sosial lebih meluas.

Misalnya, ada rancangan memperkenalkan bas elektrik dengan 22 tempat duduk sebagai tambahan kepada bas elektrik tiada pemandu yang telah pun mula diuji dalam kampus.

Penggunaan skuter dan basikal elektrik juga bakal menjalani ujian awam dalam kampus.

Di bawah daya usaha Kampus-Eko pula, lebih 95 peratus bangunan di kampus seluas 200 hektar itu kini mempunyai anugerah Green Mark Platinum.

Anugerah Green Mark, yang diberikan Penguasa Bangunan dan Pembinaan (BCA), mengiktiraf bangunan yang menepati piawai tertentu dalam aspek mesra sekitaran.